

CNS8743

U GB 10-01 00168 BH135

AAB

INTEGRASIKAN EKONOMI BUMIPUTERA DAN BUKAN BUMIPUTERA
Kongres - Mahathir

KUALA LUMPUR, 10 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata ekonomi Bumiputera dan bukan Bumiputera perlu diintegrasikan kerana Malaysia tidak boleh mengadakan dua ekonomi yang berasingan.

Beliau berkata, kedua-dua kaum itu perlu bersikap lebih toleransi antara satu sama lain bagi mewujudkan perkongsian yang bermakna di samping mempelajari kecekapan masing-masing.

Kerjasama tersebut juga bukan sahaja baik dalam usaha mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) malahan untuk politik dan negara, katanya ketika merasmikan Kongres Ekonomi Bumiputera yang ketiga di sini.

+Hakikatnya kita tidak boleh mengadakan dua ekonomi yang berasingan dalam negara kita. Oleh itu, ekonomi Bumiputera dan bukan Bumiputera mestilah diintegrasikan untuk mengelakkan perasaan iri hati bagi mana-mana pihak+, tambah beliau.

Bagi mewujudkan kerjasama itu, Datuk Seri Dr Mahathir menekankan tentang kepentingan sifat toleransi dan kesabaran dipupuk bagi memastikan kedua-duanya mempunyai tempat dalam pembahagian ekonomi negara. -- Lagi

▼10/01/11-13MST

CNS8744

U GB 10-01 00143 BH136

AAB

Kongres - Mahathir 2 Kuala Lumpur

Beliau berkata, justeru itu penyertaan bukan Bumiputera buat pertama kali dalam kongres ini adalah penting kerana mereka mempunyai peranan dalam perlaksanaan resolusi-resolusi tertentu yang dirumuskan.

+Mungkin ini dianggap terlalu optimistik tetapi dalam apa juga rancangan atau pendekatan kita perlu kepada optimisme. Tanpa harapan besar tidak mungkin beberapa rancangan kita mencapai kejayaan+, katanya.

Beliau berharap penyertaan bukan Bumiputera akan membolehkan mereka memahami dengan lebih mendalam hasrat kongres serta memainkan peranan yang lebih positif.

Ini kerana bukan Bumiputera boleh berperanan menjaya atau menggagalkan rancangan untuk mengimbangkan ekonomi antara kedua-dua kumpulan tersebut.

Datuk Seri Dr Mahathir menegaskan bahawa salah satu sebab kegagalan DEB ialah pendekatan yang diambil oleh bukan Bumiputera kerana mereka lebih suka rakan Bumiputera tidak menerima risiko perdagangan dan tidak aktif dalam pengurusan. -- Lagi

▼10/01/11-21MST

CNS8763

U GB 10-01 00142 BH137

AAB

Kongres - Mahathir 3 Kuala Lumpur

+Dengan ini, selama-lamanya peniaga Bumiputera akan jahil dan akan terus bergantung kepada mereka (bukan Bumiputera)+, kata beliau.

Mungkin ini menguntungkan bukan Bumiputera tetapi sikap itu akan membebankan mereka dengan DEB demi DEB selama-lamanya sedangkan lebih baik bagi mereka menentukan rakan Bumiputera terbabit secara bersungguh-sungguh dan risiko perniagaan ditanggung bersama.

Perdana Menteri juga menyentuh mengenai kesukaran syarikat Bumiputera untuk berkembang berikutan sikap rakan atau pekerja yang meninggalkan syarikat dan menubuh syarikat sendiri setelah mempunyai sedikit sebanyak pengalaman.

+Jika rakan kongsi atau majikannya bukan Bumiputera, lebih banyak alasan didapati untuk berpisah. Oleh sebab itu jarangkali terdapat perkongsian Bumiputera dengan bukan Bumiputera yang kekal+, katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata ini menyebabkan kesempatan Bumiputera untuk belajar terbatas dan beliau mahukan masalah itu diatasi segera. --
Lagi

▼10/01/11-57MST

U GB 10-01 00179 BH140

AAB

Kongres - Mahathir 4 Kuala Lumpur

Mengenai perlaksanaan DEB, Perdana Menteri berkata agihan kekayaan berasaskan +kek ekonomi+ yang membesar tidak menjejaskan jumlah mutlak kekayaan kaum-kaum lain dan penguasaan saham oleh orang asing di negara ini.

+Dengan erti kata lain, Malaysia telah menghadapi masalah perbezaan ekonomi antara kaum dengan menggubal dasar dan program yang radikal tetapi tepat+, kata beliau dan menambah bahawa program itu tidak membabitkan rampasan harta seperti yang dilakukan oleh sesetengah negara.

Bagaimanapun, beliau kesal kerana pengkritik DEB hanya memberi tumpuan kepada agihan saham syarikat besar tanpa mengambil kira peluang pelajaran, subsidi, tabung pinjaman, dan pelbagai galakan industri untuk mengatasi pengangguran, yang disediakan oleh kerajaan.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata di dalam melaksanakan sebarang rancangan pembangunan kerajaan sentiasa memberi penekanan terhadap pembangunan infrastruktur terutama di kawasan luar bandar di mana terdapat ramai rakyat miskin.

Langkah itu diambil kerana menyedari usaha yang terlalu tertumpu kepada strategi menyusun semula dan menggalakkan pembangunan usahawan mungkin menyebabkan jurang perbezaan ekonomi di kalangan masyarakat Bumiputera menjadi lebih besar. -- Lagi

▼10/01/12-22MST

U GB 10-01 00173 BA876

bah

Kongres - Mahathir 5 Kuala Lumpur

+Tidak ada negara lain di dunia yang membuat peratusan peruntukan sebesar Malaysia untuk membasmi kemiskinan,+ katanya. Usaha menyusun semula masyarakat di bawah DEB banyak memberi pengajaran kepada negara.

Sebagai contoh, daripada segi pemilikan kekayaan, khususnya dalam sektor korporat, bumiputera mampu mencapai peningkatan membanggakan kepada 20 peratus pada 1990 berbanding dengan hanya dua peratus pada 1970 di samping peningkatan ketara dalam pelbagai bidang lain.

Di samping itu, katanya, kejayaan peningkatan jumlah pelajar bumiputera melanjutkan pelajaran, terutama daripada golongan miskin, sekali gus menafikan tuduhan kononnya DEB menguntungkan keluarga kaya atau keluarga tertentu sahaja.

Bagaimanapun, Datuk Seri Dr Mahathir mengakui bahawa hasrat DEB untuk membentuk satu masyarakat perdagangan dan perindustrian di kalangan bumiputera belum tercapai. Ini mungkin berlaku kerana jenis perniagaan dan industri yang dipilih oleh bumiputera tidak produktif atau lemah.

Katanya, kegagalan bumiputera juga disebabkan oleh kualiti dan daya saing mereka dalam bidang berkenaan masih rendah dan bukannya kerana peluang mereka tersekat akibat DEB. -- Bernama.

▼10/01/12-40MST